

Fatimah Hashim Pro-Canselor UTM

Oleh MAZNAH ARSAD

TOKOH wanita, Tan Sri Fatimah Hashim dilantik sebagai Pro-Canselor Universiti Teknologi Malaysia (UTM), menggantikan Tun Awang Hassan pada konvokesyen ke-19 universiti itu Isnin ini.

Naib Canselor UTM, Dr. Ahmad Zaharuddin Idrus berkata, perlantikan Fatimah akan dilakukan oleh Canselor UTM, Sultanah Johor, Sultanah Zanariah Ahmad.

Istiadat konvokesyen UTM berlangsung di Dewan Sultan Iskandar di Skudai, Johor.

Dr. Ahmad berkata, pada majlis yang sama, UTM bersetuju menganugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Sains kepada Awang kerana jasanya kepada pembangunan sa-



FATIMAH HASHIM

ins dan kemajuan negara, khususnya di UTM.

Seramai 3,210 graduan akan menerima ijazah dan diploma masing-masing daripada Canselor Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Sultanah Johor.

Menurut Dr. Ahmad

Zaharuddin Idrus, jumlah itu adalah penurunan sebanyak 17 peratus jika dibandingkan tahun lalu iaitu seramai 3,969 graduan.

"Mengikut pecahan, sebanyak 389 graduan menerima Ijazah Tinggi dan Diploma Lulusan Ijazah yang terdiri daripada Doktor Falsafah, Sarjana (58) dan Diploma Lulusan Ijazah (324)," katanya pada sidang akhbar di Skudai, Johor baru-baru ini.

Di samping itu katanya, UTM mencatatkan satu lagi sejarah dalam perkembangan akademiknya kerana dapat mengeluarkan seramai 43 graduan sulung dalam beberapa bidang kursus.

Antaranya ialah Doktor Falsafah bahagian Kejuruteraan Jentera, Doktor Falsafah (Kejuruteraan Kimia), Doktor Falsafah

(Sains Komputer), Sarjana Pengurusan (Teknologi) Sarjana Sains (Pendidikan Fizik), Sarjana Muda Teknologi dan Pendidikan (Kemahiran Hidup).

Menurutnya, pada majlis konvokesyen kali ini, seramai lapan pelajar asing dari Libya, Indonesia dan Nigeria turut menerima ijazah masing-masing.

"Seramai enam graduan sulung dari Libya yang mengikuti Kursus Sarjana Kejuruteraan Elektrik akan menerima ijazah mereka.

"Kita juga telah memilih dua pelajar perempuan untuk menerima Anugerah Pelajaran Diraja iaitu Liang Chuan Woon dari kursus Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik dan Norhaida Mohd. Shuib kurus Sarjana Muda Sains, Komputer dan Pendidikan," ujarnya.

56/8/87
UM 2/87